

Dr. Mahathir sampai ucaptama di Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-8

UM 20 MAY 2007

Daripada AHMAD ABDUL HAMID

TOKYO 19 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan tiba di sini esok untuk lawatan tiga hari dan menyampaikan ucap-tama pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-8.

Lawatan ini juga merupakan lawatan balas kepada lawatan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi ke Malaysia Januari lalu.

Kunjungan kali ini amat bermakna kerana tahun ini merupakan genap 20 tahun pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur yang dicetuskan oleh Perdana Menteri.

Dasar ini memberi tumpuan kepada Jepun dan Korea Selatan sebagai model pembangunan negara.

Perdana Menteri dijangka mengadakan perbincangan dengan

Koizumi mengenai hubungan dua hala di samping menerima kunjungan beberapa menteri kanan Jepun serta ditemu ramah oleh stesen televisyen dan akhbar Jepun.

Perdana Menteri juga akan melancar dan menamakan Kapal Intan Satu milik Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) di Nagasaki pada 22 Mei ini.

Kapal

Kapal itu merupakan yang pertama dibeli oleh MISC, yang khusus direka bentuk untuk mengangkut gas cecair asli (LNG).

Dr. Mahathir dijadualkan mengadakan perbincangan dengan Koizumi pada 21 Mei dan menyampaikan ucap-tama bertajuk 'China - Satu Cabaran atau Peluang untuk ASEAN?' pada Persidangan Antarabangsa Nikkei.

Pada hari yang sama Perdana

Menteri akan menerima kunjungan Menteri Kewangan, Masajuro Shiokawa yang juga Pengerusi Persatuan Persahabatan Malaysia-Jepun.

Beliau juga akan menerima kunjungan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Takeo Hiranuma, merangkap Presiden Liga Parlimen Malaysia-Jepun.

Pada malamnya, Perdana Menteri dan pemimpin Asia lain yang menghadiri Persidangan Antarabangsa Nikkei akan diraikan pada satu majlis oleh Koizumi.

Antara yang dijangka hadir ialah Presiden Filipina, Gloria Arroyo Macapagal.

Selepas Jepun, Dr. Mahathir akan berlepas ke Korea Selatan.
— Utusan